

# KEMAJUAN PELAJARAN-PELAJARAN MELAYU DI MEKAH

Menurut berita yang dihantar kepada Qalam oleh al-Ustādh “Muhammad Affandi Nūr”

bahawa pelajar-pelajar Melayu, Siam dan Indonesia telah menubuhkan persatuannya dengan

nama “Ikatan pelajar-pelajar Dār al-‘Ulum” terdiri daripada ketua umum: Al-Ustādh Muhammad Nawāwī Jamīl (Palembang),

Bendahari: Al-Ustādh Ahmad (Kedah), dan beberapa orang jawatankuasa.

Bagi faedah pembaca, kita peturunkan di sini rencana “Kemajuan pelajar-pelajar Melayu di Mekah” yang ditulis oleh al-Ustādh Muhammad Nawāwī di dalam majalah “*al-Sha’ūn al-Indonesiyah*”.



*Al-Ustādh Muhammad Nawāwī Jamīl*

Di Makkah al-Mukaramah- ibu negeri-negeri Islam- banyak penuntut-penuntut Melayu dan Indonesia yang sedang belajar ilmu syariat Islam di sekolah-sekolah rakyat atau sekolah-sekolah kerajaan, kerana melengkapkan diri dengan didikan Islam dan mendalami pengetahuan dalam peradaban Islam.

Sebagaimana yang diketahui dari negeri Mekahlah terpancar cahaya Islam dan terkembang sinarannya di seluruh Semenanjung Arab, sehingga meliputi seluruh dunia. Kepulauan Melayu telah mendapat bahagian besar daripada cahaya Islam yang cemerlang ini. Islam telah terkembang siarannya di tanah air kita dalam masa yang singkat dan berjalan dengan baik dalam masyarakat kita sehingga menjadi kira-kira 95 peratus daripada seluruh penduduk Kepulauan Melayu memeluk Islam agama Allah yang suci mulia itu.

Semenjak Islam tersiar di Kepulauan Melayu, mulailah rapat perhubungan rohani di antara bangsa kita Melayu-Indonesia dengan bangsa Arab, dan dengan itu perhubungan masyarakat dan agama terikatlah dengan ratanya di antara kedua belah pihak setelah setengah orang-orang kita berhijrah ke tanah suci

dengan tujuan hendak beribadat dan mendalamkan ilmu Islam.

Hasilnya setengah daripada bangsa kita, Melayu-Indonesia, banyak bersemenda denga orang-orang Arab di sana (sehingga meninggalkan keturunan yang bukan sedikit di tanah suci Mekah. -P.Q.)

Semenjak itu bangsa kita memandang kepada tanah suci Mekah dengan pandangan hormat, mereka tidak putus mendatanginya kerana mendalami ilmu-ilmu Islam supaya mereka mendapat kebahagiaan dunia akhirat.

Perhubungan rohani antara bangsa kita dengan bangsa

Arab makin sehari makin bertambah teguh pada masa ini.

Semenjak dua puluh lima tahun yang lalu orang-orang haji dari Kepulauan Melayu telah muncurah dengan banyaknya-lebih daripada keadaannya sebelum itu. Banyak di antara mereka telah bernaung di sana sebagai penuntut ilmu pengetahuan terutama syariah Islam yang sangat dituntut dan dihajati oleh tanah air kita.

Curahan yang demikian ini masih berjalan terus menerus pada tiap-tiap tahun sehingga terkumpul di bandar Mekah suatu jumlah besar daripada penuntut-penuntut Melayu-Indonesia yang pilihan mempelajari ilmu pengetahuan Islam daripada ulama-ulama Arab

yang terkemuka dan dihormati, ataupun mereka memasuki terus sekolah-sekolah rakyat atau sekolah-sekolah kerajaan.

Kedudukan mereka dalam pelajaran telah berubah dan meningkat menurut perubahan dan kemajuan pendidikan am dalam negara Saudi Arabia, pada tahun 1353 ahli-ahli pendidik bangsa kita telah mendirikan di bandar Mekah sebuah sekolah rakyat yang terkenal- “Dār al-‘Ulum”. Di antara pengasas-pengasas sekolah itu yang berjasa ialah al-Sayyid Muhsin al-Masāwī (langkat-P.Q.) dan Syeikh Zubīr Aḥmad, serta Syeikh Ya‘kub (Perak) Bendahari dalam menanggung beban yang berat ini, mereka telah dibantu oleh guru-guru muda dari Malaya-Indonesia.

Sekolah “Dār al-‘Ulum” ini telah berjuang dengan menunaikan usaha yang cemerlang dan telah berjalan terus menunaikan tanggungjawab dengan azam yang teguh dan niat yang tulus ikhlas, sekalipun terpaksa menderita kekurangan bahan-bahan yang menjadi teras hidup.

Sekolah Dār al-‘Ulum ini telah mengarahkan usahanya menyebarkan ilmu pengetahuan dan mengeluarkan anak-anak muda Islam yang berasa mulia dan bangga dengan ke-Islam-an yang beriman dan yakin bahawa usaha mengembalikan kehidupan yang sebenar-benarnya tidak akan berjaya mencapainya melainkan dengan jalan berpegang teguh kepada ajaran-ajaran Islam, ajaran-ajaran dari langit yang telah dibawa oleh al-Quran al-Karim, dan al-Sunnah al-Muḥammadiyah (hadis Nabi) yang telah menjadi sebaik-baik utusan bagi penduduk dunia seluruhnya.

“Dār al-‘Ulum” telah berjalan terus menunaikan kewajipannya- menyebarkan ajaran-ajaran Islam bagi mengarah anak-anak muda Melayu-Indonesia ke arah pelajaran-pelajaran Islam supaya mereka dapat menjadi utusan-utusan yang membawa kebajikan dan pendidikan kepada tanah air mereka kelak. Pengarahan itu telah disambut oleh penuntut-penuntutnya dengan baik lalu mereka mendirikan “Persatuan Persuratan” sebagai menjadi pentas bagi kecerdasan dan usaha kemajuan mereka dalam lapangan buah fikiran dan persuratan, dan juga

bagi mengamalkan pelajaran Islam yang mereka pelajari itu dengan mengadakan syarahan-syarahan dan penyelidikan dalam bahagian agama, persuratan, masyarakat dan riadah, sehingga dapat terbentuk kepada seorang penuntut itu suatu fikiran yang jelas dan tetap dari hal pelajaran agama dan faedahnya dalam zaman kemajuan ini.


“Ikatan penuntut-penuntut Dār al-‘Ulum” telah didirikan pada 15 Rabī‘u al-awal 1369. Ikatan ini ialah gambaran kecerdasan dan kemajuan ilmu pengetahuan dan persuratan bagi penuntut-penuntut sekolah Dār al-‘Ulum.

Di dalam undang-undangnya ada disebutkan iaitu membuka peluang bagi ahli-ahlinya menjalankan penyelidikan dalam lapangan agama, persuratan, dan masyarakat dalam lingkungan kebebasan berfikir. Tujuan yang utama daripadanya ialah ahli-ahli ikatan ini merasa akan tanggungjawab mereka terhadap tanah air mereka. Tujuan ikatan tersebut antara lain-lain:

1. Membentuk ikatan persaudaraan yang teguh di antara penuntut-penuntut dari Malaya, Indonesia, Siam, Patani dan Filipina.
2. Meninggikan taraf berfikir penuntut.
3. Berusaha memajukan sekolah Dār al-‘Ulum al-Dīnīt dan meninggikan tarafnya yang am.
4. Menyediakan diri dalam sesuatu segi yang khas dari segi-segi pendidikan Islam.

Kemajuan persatuan ini telah meningkat dalam segala usahanya. Bahagian-bahagian yang khas telah didirikan, tiap-tiap satu bahagian telah ditentukan dengan suatu lapangan yang khas pula dalam kemajuan fikiran dan masyarakat, bagi mengarahkan ahli-ahlinya dengan pengarahan yang betul, yang membawa kepada tercapainya tujuan yang kerananya persatuan itu didirikan.

Bahagian-bahagian ini adalah merupakan kemajuan usaha-usaha persatuan semenjak didirikan hingga hari ini, yang menggambarkan kepada kita setakat mana usaha-usaha dan perkhidmatan yang telah dilakukan untuk kepentingan ahli-ahlinya yang menjadi



Jawatankuasa "Ikatan Pelajar-pelajar "Dār al-'Ulum". Di tengah-tengah Yang di-Pertua Ustādh Muhammad Yūsuf dan di sebelah kanannya Ustādh

*Muhammad Nawāwī Setiausaha.*

ibarat satu keluarga, bersatu padu berkhidmat kerana ilmu pengetahuan dan meninggikan taraf sekolahnya. Bahagian-bahagian yang tersebut ialah:

- 1- Bahagian pengetahuan am dan terjemah menterjemah.
- 2- Syarahan dalam bahasa Arab.
- 3- Syarahan dalam bahasa Melayu.
- 4- Riadah dan pengakap.

Dengan tujuan hendak menjadikan bahagian-bahagian ini suatu tubuh yang hidup dan bergerak maju menunaikan segala tanggungjawabnya. Maka ahli-ahli persatuan adalah menunaikan beberapa perkhidmatan bagi menjalankan rancangan-rancangan bahagian-bahagian tersebut. Perkhidmatan-perkhidmatan itu adalah demikian:

Pertama- mengadakan perjumpaan-perjumpaan mingguan; di dalamnya

diadakan bahasan-bahasan dan penyelidikan yang berharga dalam perkara-perkara agama, persuratan, masyarakat dan riadah.

Kedua-mengadakan syarahan dan nasihat dari ketua-ketua bahagian dan penuntut-penuntut yang terkemuka.

Ketiga- berusaha mengorbankan tenaga kerana memajukan persatuan, dan meninggikan taraf penuntut-penuntut dalam ilmu pengetahuan, persuratan dan masyarakat.

Keempat- memilih surat-surat siaran dan usaha-usaha penyelidikan yang berharga.

Kelima- Latihan kepada riadah gerakan badan.

Selain daripada perkhidmatan-perkhidmatan tersebut, persatuan ini dengan bantuan jabatan tadbir madrasah Dār al-'Ulum dan guru-gurunya adalah bekerjasama menyediakan perkara-perkara yang perlu

(sambungan pada muka 31)

dahulu keadaan seseorang yang hendak berbini dua supaya dapat dihukumkan kelayakannya untuk menunaikan syarat-syarat yang dituntut oleh al-Quran sebagaimana yang telah disuruh oleh setengah ulama Mesir tetapi jikalau kaum ibu Singapura berharap daripada langkah mereka ini untuk menyampaikan mereka kepada cita-cita menghapuskan perbezaan hak di antara lelaki dan perempuan yang diagung-agungkan oleh demokrasi Barat, maka hendaklah mereka meletakkan suatu hakikat yang nyata di hadapan mereka iaitu bahawa asas pembahagian hak-hak dan kewajipan-kewajipan di dalam perkara-perkara pergaulan itu bukanlah sebagaimana asas pembahagian di dalam ilmu kira-kira. Hak-hak dan kewajipan-kewajipan itu adalah dibahagi di antara lelaki dan perempuan menurut tabiat masing-masing dengan keadaan yang dapat mengaturkan pergaulan hidup dengan sempurna.

Yang sebenarnya kita dapat memimpin orang ramai kepada meninggalkan adat beristeri banyak dengan memberi pelajaran kepada mereka dan mendidikkan mereka supaya tahu kewajipan masing-masing dan berperasaan tanggungjawab terhadap kepada rumahtangga, agama dan tanah air. Al-Syeikh Abū Zahrah telah berkata:

“Berikanlah pelajaran kepada orang ramai, angkatkanlah mutu kehidupan mereka. Selepas itu susunlah apa yang dikehendaki daripada undang-undang. Adapun semata-mata menegah hal itu dengan tidak mendidik orang ramai terlebih dahulu maka ialah suatu helah untuk mengelakkan bebanan kewajipan yang amat berat (iaitu kewajipan mendidik mereka) “*Wa allāhu al-muwafiq li al-ṣawāb*.

=====

## Panduan Rasulullah

“Sesungguhnya fitnah itu akan datang lalu menghancurkan orang ramai dengan sehancur-hancurnya, tetapi orang yang berilmu akan selamat daripada angkara fitnah itu dengan ilmunya.”

-maksud hadis riwayat Abū Na‘īm.

(sambungan daripada muka 25)

bagi perayaan tahunan, di dalamnya dibahagikan sijil kepada penuntut yang tamat belajar, dan mengadakan majlis-majlis sambutan pembesar-pembesar dari tanah air yang datang melawat atau yang berangkat balik dari Tanah Suci. Persatuan ini juga telah mengadakan beberapa majlis perayaan, seperti majlis merayakan peralihan kuasa kepada Republik Indonesia dalam bulan Disember 1949.

“Ikatan Penuntut-penuntut Dār al-‘Ulum” ini tidak khālī daripada mencurahkan usaha dalam menunaikan segala kerjanya menurut rancangan-rancangannya yang telah diatur dalam pada itu persatuan ini tidak mendakwa kesempurnaan bahkan dia berharapkan taufik dan kejayaan dan berharapkan galakan dan sokongan.

---

“Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang kamu tidak sekali-kali akan sesat selama kamu berpegang kepadanya, iaitu kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya.”

-maksud hadis riwayat Mālik-

---

## Buku-buku Cerita Mata-mata Gelap

Perbunuhan di Padang Pulau	30 sen
Perbunuhan di Lautan Atlantik	30 sen
Penari	30 sen
Jantan Mata Keranjang	30 sen
Pukul Empat Subuh	30 sen
Lelaki Binatang	30 sen
Penjual Agama	30 sen

Alamatkan pesanan-pesanan kepada manager

QALAM PRESS LTD., P.O. Box 3031

SINGAPORE.